

Qalam

Bilangan 113 Jamādi al-Ākhir 1379 Disember 1959 60 sen

Siaran Kemusykilan Agama di Radio Singapura

Di dalam beberapa bulan ini Radio Singapura, pada tiap-tiap malam Jumaat, telah mengadakan ruangan Kemusykilan Tentang Agama. Pertanyaan-pertanyaan yang didatangkan kepada Radio Singapura mengenai hukum-hukum agama telah dijawab oleh seorang ustaz dengan cara yang sangat-sangat ringkas.

Pada keseluruhannya kita patut bersyukur kepada tujuan dan cita-cita Radio Singapura bahagian Melayu mengadakan ruangan-ruangan seperti itu atau pun seumpamanya untuk syiar agama Islam. Kesyukuran kita itu adalah berdasarkan dengan memandang bahawa radio itu ialah satu alat yang sangat berguna untuk jalan menyiarkan pelajaran dan ajaran-ajaran Islam kepada pendengar-pendengarnya. Kerana itu maka usaha-usaha itu patut disambut dan penghargaan harus diberi kepada kesungguhan pengusaha-pengusaha yang kasihkan agamanya yang bekerja di Radio Singapura itu khususnya.

Tetapi sebaliknya kita berharap janganlah tujuan-tujuan yang baik itu rosak disebabkan beberapa perkara yang patut dihalusi. Perkara-perkara seperti menyelidiki: (1) siapa pendengar-pendengarnya, (2) taraf pertanyaan dan (3) cara menjawabnya, adalah perkara-perkara yang baik supaya tujuan-tujuan yang baik itu diterima oleh masyarakat, terutamanya masyarakat Islam. Hal ini mustahak dikaji sekalipun sukar bagi sesuatu rancangan itu dapat memuaskan semua pihak.

Kalau kita perhatikan bahawa kalau sesuatu pelajaran agama yang dibuat dengan bertulis ataupun yang diajarkan di dalam sesuatu kumpulan murid-murid yang tertentu maka dapatlah diagak bahawa sesuatu ajaran agama itu dapat dipelajari oleh orang-orang dewasa sahaja (di dalam perkara-perkara yang sulit) dan jika ia dengan bertulis maka kitab-kitab pelajaran seperti itu dapat dikawal daripada didengar atau dibaca oleh golongan-golongan yang belum sahnya mengetahui perkara-perkaranya yang hendak diajarkan itu.

Tetapi pelajaran agama atau pengetahuan agama di dalam menjawab soal agama di dalam radio itu pendengar-pendengarnya tidak terbatas bahkan orang-orang yang di bawah umur (kanak-kanak) boleh mendengarnya bahkan mereka itulah yang selalu berada di sisi radio terutamanya saat menjawab kemusykilan itu bersambung dengan ruangan Si Comel yang sangat-sangat digemari mereka.

Dengan keadaan yang seperti ini, ertinya jawapan-jawapan dalam perkara mengenai hukum antara lelaki dan perempuan seperti *wati'* ataupun persetubuhan, hal haramnya, di dalam hal haid dengan kupasan yang luas, sungguhpun ia suatu pengetahuan tetapi adalah ia bukan pada tempatnya dijadikan siaran-siaran di dalam radio. Perkara-perkara ini boleh dibuat di dalam tulisan atau diajarkan di hadapan-hadapan murid-murid yang tertentu kerana pengetahuan seperti ini dapat dihadkan orang yang mempelajarinya tetapi di dalam radio adalah tidak dapat langsung.

Kita telah menerima beberapa sungutan-sungutan ibu bapa atas perkara-perkara seperti ini disiarkan di dalam jawapan-jawapan atas Kemusykilan Agama bagi Radio Singapura. Ibu bapa berasa rumit hendak menjawab pertanyaan anak-anaknya yang masih kecil tentang erti *wati'*, jimak dan sebagainya. Kerana itu kita berharap supaya Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura mengambil langkah memperingatkan perkara ini kerana kita yakin badan inilah sahaja yang nasihatnya


diterima oleh kerajaan. Radio Singapura hendaklah memerhatikan bahawa pendengar-pendengarnya adalah terdiri daripada semua peringkat. Ilmu agama itu hendaklah diajarkan di dalam beberapa perkara, hendaklah tertentu di dalam majlisnya jua – tidak dipakai borong sahaja.

Demikian juga pihak Radio Singapura wajib menapis pertanyaan-pertanyaan yang didatangkan itu dengan teliti – apakah pertanyaan itu berfaedah kepada am ataukah pertanyaan itu boleh menerbitkan salah faham yang bakal menerbitkan perbahasan dan bakal tidak memuaskan satu-satu pihak yang lain. Hal ini perlu kerana di dalam hukum-hukum agama itu ada pada setengah-setengah tempat bertelingkah pendapat di dalamnya bukannya sahaja di antara mazhab dengan mazhab tetapi di dalam mazhab *al-Imām al-Shāfi‘ī* sendiri pengikut-pengikutnya bertelingkah pendapatnya di dalam beberapa perkara.

Kerana itu untuk menjawab ini semua maka tiap-tiap jawapan yang diberi janganlah hendaknya asal berjawab sahaja. Jawapan-jawapan itu hendaklah diberi keterangan-keterangan yang lengkap dan perselisihan pendapat atas satu-satu perkara pun mestilah dinyatakan sekalipun dengan cara yang ringkas.

Kita berpendapat sekiranya jawapan-jawapan yang diberi itu hanya asal berjawab sahaja dan banyak pula menyalahi daripada hukum-hukum yang benar maka moleklah ruangan jawapan-jawapan atas kemusykilan-kemusykilan itu dihapuskan sahaja. Sebab-sebabnya kita menganjurkan demikian ialah kerana kelemahan atau ketiadaan memberi hujah-hujah yang tepat atas sesuatu pertanyaan itu bukannya sahaja didengar oleh orang-orang di Singapura ini tetapi juga oleh orang-orang di Persekutuan Tanah Melayu bahkan oleh orang-orang Islam di gugusan pulau-pulau Melayu ini. Kalau jawapan-jawapan seperti yang ada ini maka rasanya sangat memalukan. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa inilah tarafnya ulama-ulama di Singapura – menjawab masalah-masalah agama sesuka-sukanya sahaja – banyak yang menyalahi hukum Islam yang seperti masalah anak Cina yang dipelihara oleh orang-orang Islam yang masih kecil, masalah asli yang dituduh pendapat mazhab yang kelima dan seumpamanya.

Sekiranya Radio Singapura tidak mendapati orang-orang yang layak untuk menjawab masalah-masalah agama, lebih baik halaman itu dihapuskan sahaja. Semoga hal ini diperhatikan oleh pihak Radio Singapura dengan perasaan yang tenang.



Riwayat hidup dan kisah perjuangan, Khālid ibn al-Walīd, pahlawan Islam yang kebilangannya. Tiap-tiap baris dalam riwayat perwira Islam ini menggambarkan keberanian yang tidak ada taranya.

Disusun oleh Abdullah Basmeh. Cetakannya yang kedua ini berhias dengan 12 gambar dari "Filem Khalid" yang pilihan. Tebalnya hampir 150 muka dan harganya hanya \$1.50 tambah belanja mengirimmnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura